

29/01/2002

Kurup maklum tindakan ke atas Dr Jeffrey kepada PM

KOTA KINABALU, Isnin - Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Tan Sri Joseph Kurup berkata, beliau menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memaklukkannya mengenai keadaan parti dan keputusan menggantung timbalan presiden Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Kurup berkata, selain Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat diberi taklimat mengenai perkara itu.

Beliau memberi taklimat kepada Dr Mahathir dan Mohamed ketika menghadiri mesyuarat BN di Kuala Lumpur Rabu lalu yang membincangkan permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN.

"Saya bercakap (menerusi telefon) dengan Dr Mahathir malam tadi berhubung isu ini," katanya selepas merasmikan Kongres Ketujuh PBRs di Hotel Pacific Sutera di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Kurup mengumumkan keputusan menggantung keahlian dan jawatan Dr Jeffrey yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bingkor kerana dikatakan melakukan lima kesalahan melanggar disiplin parti.

Pengumuman dibuat beberapa jam selepas Dr Jeffrey mengumumkan keputusannya bertanding merebut jawatan presiden pada kongres hari ini.

Semalam, Dr Jeffrey mendakwa tindakan itu tidak sah dan melanggar perlembagaan parti serta berpendapat kedudukannya sebagai ahli PBRs masih sah walaupun jawatannya sebagai timbalan presiden digantung.

Pada perasmian kongres pagi ini, Dr Jeffrey tidak hadir walaupun beliau sebelum ini menyatakan akan hadir kerana mendakwa masih sah sebagai ahli. Majlis perasmian hari ini berjalan lancar.

Kurup yang juga Menteri Pembangunan Sumber Sabah berkata, beliau sedih dengan perkembangan sekarang, terutama apabila turut membabitkan isu peribadi kedua-dua pihak.

"Sejak dari mula, saya sudah meminta semua ahli agar menumpukan perhatian terhadap perpaduan dan melebarkan lagi sayap parti menjelang kongres ketujuh parti ini," katanya.

Mengenai penggantungan Bahagian Tambunan dan Pensiangan, beliau mendakwa ada bukti kukuh mereka yang bukan ahli turut hadir dan mengundi pada mesyuarat agung dua bahagian itu.

Mengenai pemilihan tahun ini, beliau berkata, 219 perwakilan daripada 26 bahagian parti akan memilih ahli Majlis Tertinggi dan naib presiden, manakala jawatan timbalan presiden dan presiden tidak dipertandingkan.

Berhubung kekosongan salah satu daripada tiga jawatan timbalan presiden berikutan penggantungan Dr Jeffrey, beliau berkata, terserah kepada perwakilan membuat keputusan.

Terdahulu, ketika berucap, Kurup berkata PBRs akan disegani dan dihormati parti komponen BN jika ahli bersatu-padu dapat bekerjasama dalam satu pasukan.

Justeru, dasar perjuangan PBRs perlu berlandaskan ideologi politik BN iaitu bersatu-padu, berkongsi kuasa dan persefahaman tulen, sekali gus mengelak kepemimpinan yang lemah, tidak cekap dan tidak amanah serta amalan berasaskan kepentingan peribadi.

(END)